

01/01/2002

Memperkasa UiTM

Ibrahim Saad

Sempena setahun sebagai Naib Canselor.

DENGAN berakhirnya tahun 2001, genaplah setahun Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah menerajui UiTM di pejabat Naib Canselor. Beliau dilantik menggantikan Datuk Ir Ahmad Zaidee Laidin, 1 Januari 2001, sebagai pemangku Naib Canselor dan Naib Canselor pada 1 Februari.

Pelantikan Dr Ibrahim memberi makna yang amat besar dalam sejarah perkembangan universiti yang telah melahirkan lebih 200,000 profesional dan separa profesional Melayu dan Bumiputera sejak ditubuhkan sebagai Dewan Latihan Rida pada 1956 dan mengalami beberapa proses peningkatan taraf sehingga menjadi sebuah universiti.

Beliau adalah anak jati pertama kelahiran UiTM yang diberi kepercayaan menerajui universiti itu. Sebelum itu kesemua pengarah (kemudiannya rektor) ITM dibawa dari luar di kalangan tokoh akademik atau profesional tempatan.

Apabila UiTM dinaikkan taraf sebagai universiti melalui pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada perhimpunan bersejarah 26 Ogos 1999 di Shah Alam, Dr Ahmad Zaidee secara automatik dilantik sebagai Naib Canselor, manakala Dr Ibrahim pula Timbalan Naib Canselor (akademik).

Dr Ibrahim adalah kelahiran tulen UiTM. Beliau mendapat pendidikan tinggi pertama di universiti itu, iaitu di peringkat diploma pada 1971 sebelum menyambungkan pengajian di peringkat lepasan ijazah di luar negara.

Manakala sebahagian besar sejarah kariernya adalah di UiTM bermula sebagai pensyarah sebelum menyandang pelbagai jawatan seperti pensyarah kanan, dekan, provos cawangan, lantikan sebagai profesor dan Timbalan Naib Canselor sebelum menyandang jawatan sekarang.

Dr Ibrahim berkata, beliau bernasib baik kerana dilantik ke jawatan itu ketika UiTM berada di tahap cemerlang dalam beberapa bidang pengajian.

Jadi tanggungjawab yang dipikulnya ialah untuk memastikan keunggulan yang dicipta itu tetap terpelihara dan ditingkatkan di samping meneruskan usaha bagi memastikan segala agenda yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

"Oleh itu di samping mempertahankan status quo, tanggungjawab saya ialah memperkasakan UiTM sebagai institusi terunggul dalam dan luar negara.

"Selain kuantiti, UiTM mestilah meningkatkan jumlah graduan yang cemerlang dan berkualiti sebagai meneruskan agenda meningkatkan martabat profesionalisme bangsa Melayu dan Bumiputera di negara ini. Itulah harapan negara dan bangsa Melayu kepada UiTM," katanya.

Beliau menolak hipotesis sesetengah pihak bahawa pelajar Melayu kurang cemerlang berbanding pelajar bukan Melayu. Anggapan sedemikian tidak berasas sama kali.

"UiTM telah sekian lama melahirkan graduan yang cemerlang. Malah beberapa pengajian di kampus ini bukan saja mendapat pengiktirafan badan profesional tempatan tetapi juga di luar negara.

"Graduan kita bukan saja cemerlang di kampus, tetapi dalam karier masing-masing selepas meninggalkan kampus. Buktinya kita boleh lihat ramai keluaran UiTM berjaya di sektor swasta dengan menerajui badan korporat yang berprestij di negara ini.

"Beberapa fakulti dan bidang pengajian UiTM sangat unggul malah sukar disaingi. Fakulti seperti Seni Bina, Perakaunan, Undang-undang, Seni Lukis

dan Seni Reka, Komunikasi Massa serta Hotel dan Katering adalah antara fakulti yang mendapat pengiktirafan badan profesional di dalam dan luar negara.

"Fakulti Seni Bina misalnya, mempunyai 14 arkitek bertaualiah, bermakna jumlahnya sukar disaingi institusi lain buat masa ini, malah ada pihak yang menyatakan diploma Seni Bina UiTM setaraf dengan peringkat ijazah," katanya.

Dr Ibrahim berkata, keunggulan fakulti itu terbukti apabila enam tahun berturut-turut reka bentuk astaka tilawah membaca al-Quran kebangsaan dan antarabangsa dipilih daripada rekaan pelajar tahun tiga Diploma Seni Bina UiTM, iaitu mengatasi penyertaan lain termasuk daripada arkitek bertaualiah.

Bagi memastikan matlamat memperkasakan UiTM tercapai, iklim pembelajaran yang ideal dan kondusif mesti wujud di kampus. Jadi, beliau tidak teragak-agak bertindak terhadap pensyarah, pelajar mahupun kakitangan yang boleh mencetuskan iklim di sebaliknya di kampus.

Misalnya beliau memecat seorang pensyarah dan mengambil tindakan disiplin kepada 47 yang lain setelah mendapat bukti yang kukuh mengenai pembabitan mereka.

"Saya bertindak mengharamkan dua pertubuhan pelajar iaitu Persatuan Mahasiswa Intelek dan Kelab Usahawan kerana berunsur militan dan antinasional.

"Tindakan yang diambil bukan berasaskan sentimen dan prasangka, tetapi berdasarkan bukti yang kukuh," katanya dalam satu wawancara khas di pejabatnya baru-baru ini.

Mengulas mengenai pilihan raya kampus lalu, beliau gembira dengan kematangan pelajar menggunakan hak masing-masing untuk memilih calon yang berwibawa.

Hasilnya beliau memperoleh kesemua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) yang bersemangat tinggi untuk melaksanakan tugas membela pelajar, menjaga imej UiTM di samping memberi sokongan padu terhadap aspirasi nasional.

Dr Ibrahim melaksanakan konsep desentralisasi mulai pengambilan pelajar sesi Mei lalu. Beliau mengagihkan kebanyakan kursus peringkat diploma ke kampus cawangan dengan perancangan menjadikan kampus induk di Shah Alam kampus utama yang mengendalikannya kursus peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan.

Baru-baru ini beliau mengumumkan pembinaan kampus induk kedua atau Shah Alam 2 di Puncak Alam. Kampus yang mempunyai keluasan 400 hektar itu dijangka menelan belanja RM1 bilion mempunyai reka bentuk dan prasarana tercanggih.

Dengan pembinaan kampus baru itu, UiTM akan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan dalam pembangunan dan kemajuan negara melalui graduan yang berkualiti mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang.

(END)